

# Bantu kerajaan promosi, tingkat kesedaran vaksin

Pihak berkuasa agama negeri digesa turut sama jayakan kempen

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta pihak berkuasa agama negeri memperbanyakkan program kesedaran berhubung kepentingan vaksin COVID-19 kerana masih ramai tidak mendapat maklumat tepat me-

ngenai kepentingan keperluan berkenaan.

Sambil mengajak pihak berkuasa agama menggunakan semua platform yang ada bagi mempromosi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang berlangsung, Perdana Menteri menegaskan, usaha berkenaan tidak terhad kepada kerajaan semata-mata.

Menerusi perkongsian di akaun Facebook rasminya semalam, Muhyiddin berkata, itu antara perkara ditekankan beliau pada mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Ke-68 yang diadakan secara persidangan video dan dihadiri ketua kerajaan

negeri serta ahli lantikan Yang di-Pertuan Agong.

"Saya tegaskan usaha mempromosi dan menggalakkan pengambilan imunisasi ini seharusnya tidak terhad kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri sahaja memandangkan masih ramai masyarakat umum tidak mendapat maklumat tepat mengenai keperluan mengambil vaksin.

"Saya berharap masyarakat mendapat penjelasan yang jelas bahawa keputusan kerajaan dalam isu vaksin adalah berpancukan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-10 yang bersidang pada 3 Disember 2020.

"Hukum mengenai pengguna-



Muhyiddin ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Ke-68, semalam.  
(Foto BERNAMA)

an vaksin COVID-19 adalah harus dan ia wajib diambil golongan ditetapkan pihak berkuasa," katanya sambil menambah, pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan juga penting bagi memastikan kadar kes harian pandemik itu terkawal.

PICK bermula 24 Februari lalu dengan Perdana Menteri menjadi individu pertama menerima vaksin COVID-19, empat hari selepas bekalan vaksin pertama negara keluaran Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia.

Fasa pertama PICK menyasar-

kan pemberian vaksin kepada 500,000 petugas barisan hadapan antara akhir Februari hingga April lalu. Fasa 2 membabitkan vaksin Pfizer-BioNTech dan Sinovac pula bermula pada April hingga Ogos depan untuk 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas serta golongan berisiko tinggi.

Fasa 3 pula bermula pada Mei hingga Februari tahun depan dan disasarkan untuk sekitar 13.7 juta penduduk berusia 18 tahun ke atas di Malaysia, sama ada rakyat tempatan atau warga asing.